



اَوْنِمْوَرَسِيْتِي تِيْتِكُو الْوَلِيْمَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Vol. 5

BULETIN FPN S3

FAKULTI PERAKAUNAN

UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



EVERY JOURNEY HAS
ITS OWN BEGINNING

f FACEBOOK

fpnuitmn9s3

globe WEB PAGE

FPN KAMPUS SEREMBAN

Perakaunan Bagi Mata Wang Kripto

oleh Wan Mardiyatul Miza Wan Tahir & Ja'izah Abdul Jabar

Matawang kripto adalah sejenis mata wang, sebagai contoh mata wang kertas negara seperti Malaysia menggunakan mata wang Ringgit (MYR), Singapura menggunakan mata wang Dollar (SGD) atau Jepun yang menggunakan mata wang Yen (JPY). Walau bagaimanapun, kripto adalah mata wang digital yang mengguna pakai teknik kriptografik yang mana ia tidak dapat digodam atau diubah. Tiga mata wang kripto mengikut modal pasaran terbesar adalah Bitcoin (BTC), Ethereum (ETH) dan Tether (USDT). Menurut artikel di Forbes Advisor pada Disember 2022 terdapat 22,088 projek mata wang kripto secara keseluruhan bernilai USD \$810 bilion di pasaran. Nilai mata wang kripto boleh berubah-ubah dengan cepat berdasarkan permintaan dan penawaran di pasaran di mana ia boleh dibeli dan dijual di platform pertukaran mata wang kripto. Oleh itu, ia juga digunakan dalam aktiviti spekulasi kerana volatiliti yang tinggi. Untuk memiliki mata wang kripto, ia boleh didapati melalui proses jual beli dan juga boleh dihasilkan melalui proses perlombongan yang dikenali sebagai "mining". Mata wang kripto ini disimpan dalam dompet elektronik yang disebut e-wallet. Namun, mata wang kripto tidak diiktiraf oleh kerajaan Malaysia ataupun bank pusat. Walau bagaimanapun, penggunaannya bukan lah haram atau satu jenayah.

Perbezaan di antara mata wang kertas dan kripto adalah mata wang kertas dipusatkan, manakala mata wang kripto pula didesentralisasikan. Pihak berkuasa pusat bertanggungjawab mengawal dan mencetak wang dalam sistem wang kertas, contohnya, Bank Negara Malaysia mencetak wang kertas Ringgit Malaysia (MYR), tetapi tiada pihak berkuasa pusat sedemikian dalam mata wang kripto. Tiada bank pusat bagi Bitcoin, Ethereum, Tether atau sebagainya. Sebaliknya mata wang kripto adalah berdasarkan "blockchain" iaitu pangkalan data terdesentralisasi di mana semua transaksi kewangan dijalankan dan disimpan.




Penggunaan mata wang kripto telah menjadi semakin popular dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dengan nilai beberapa mata wang, seperti Bitcoin di pasaran bersamaan 1 BTC = 100,093 MYR pada Mac 2023 melalui carian di Google Finance. Dengan peningkatan populariti mata wang kripto, adalah penting bagi akauntan untuk memahami pengolahan perakaunan mata wang ini. Buat masa ini tiada piawaian perakaunan untuk menerangkan bagaimana mata wang kripto harus diambil kira. Justeru, akauntan tidak mempunyai alternatif selain daripada merujuk kepada piawaian perakaunan yang sedia ada terutamanya panduan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Kewangan (FASB).



Soalan pertama adalah dalam menentukan klasifikasi kripto sebagai aset atau liabiliti. Lembaga Piawai Perakaunan Kewangan (FASB) telah mengeluarkan panduan yang menyatakan bahawa mata wang kripto harus diklasifikasikan sebagai aset tak ketara. Ini kerana ia tidak mempunyai bentuk fizikal. Seterusnya dalam menentukan cara merekod urus niaga

yang melibatkan mata wang kripto, menurut FASB, ia harus direkodkan pada nilai saksamanya. Ia adalah nilai di mana mata wang kripto boleh ditukar dengan mata wang atau aset lain. Nilai saksama mata wang kripto boleh ditentukan menggunakan pelbagai kaedah, termasuk harga pasaran atau model penilaian. Apabila perniagaan menerima atau membayar mata wang kripto sebagai pertukaran untuk barangan atau perkhidmatan, ia harus direkodkan sebagai hasil atau belanja yang direkodkan pada nilai saksama mata wang kripto pada masa transaksi dalam penyata pendapatan. Apabila perniagaan memegang mata wang kripto sebagai pelaburan atau setaraf tunai atau keselamatan perdagangan atau sekuriti dipegang hingga matang, ia harus direkodkan dalam kunci kira-kira pada nilai saksama mata wang kripto pada akhir tempoh pelaporan. Sebarang perubahan dalam nilai saksama mata wang kripto tersebut hendaklah direkodkan sebagai untung atau rugi dalam penyata pendapatan.



Sumber: <https://www.at-mia.my/2022/01/26/cryptocurrency-and-uncertainty/>

Kesimpulannya, perakaunan untuk mata wang kripto boleh menjadi rumit kerana sifat digital dan terdesentralisasinya. Akauntan perlu mengikuti perkembangan dalam mata wang kripto bukan sahaja untuk tujuan merekod dalam penyata kewangan, malahan termasuk untuk tujuan mengaudit dan mengesan transaksi matawang kripto oleh kerana mata wang kripto seringkali digunakan untuk aktiviti yang tidak sah. Jenayah membabitkan mata wang kripto mencecah AS\$14 bilion (RM58.98 bilion) pada tahun 2021. Setakat November 2022, terdapat sembilan jenis cryptocurrency yang dibenarkan urusniaga di Malaysia termasuk Bitcoin, Ripple, Ethereum dan Litecoin dan empat syarikat Digital Asset Exchange (DAX) yang diluluskan iaitu LUNO Malaysia Sdn. Bhd, SINERGY Technologies (M) Sdn Bhd, TOKENIZE Technology (M) Sdn Bhd dan MX Global Sdn Bhd.

Rujukan:

<https://medium.com/the-capital/cryptocurrencies-vs-paper-money-these-are-the-differences-2db7c2905c39>
<https://www.forbes.com/advisor/investing/cryptocurrency/top-10-cryptocurrencies/>
<https://www.at-mia.my/2022/01/26/cryptocurrency-and-uncertainty/>
<https://www.sc.com.my/regulation/guidelines/recognizedmarkets/list-of-registered-digital-asset-exchanges>
<https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2022/01/908621/jenayah-kripto-mencecah-rekod-as14-bilion-pada-2021>